

NO. SOALAN: ⁴¹³~~418~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN : NO. 418

YB Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa daripada RM320 juta yang diluluskan dalam bajet 2016 untuk pembangunan "Kedah Rubber City" telah digunakan, bagaimana ia digunakan, dan bilakah projek ini akan disempurnakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak RM60 juta telah digunakan untuk tujuan pengambilan balik tanah bagi Projek Pembangunan *Kedah Rubber City* (KRC). Pembangunan KRC akan mengambil tempoh selama 10 tahun dan dijangka disempurnakan pada tahun 2026. *KRC* apabila direalisasikan kelak akan menjadi satu bandar ikonik global dengan kemudahan bertaraf dunia, persekitaran kerja dan hidup yang berkualiti tinggi disokong oleh pelaburan asing dan domestik yang kukuh.

Sekian, terima kasih.

Oktober 2016

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BERTULIS**
- DARIPADA** : **Tuan Gooi Hsiao-Leung**
[Alor Setar]
- SOALAN** : **Tuan Gooi Hsiao-Leung**
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang
diambil untuk membantu pesawah padi
menggunakan teknologi pertanian terbaru dalam
bentuk mesin, baja, benih, dan agrochemical lain
untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran dan
sara hidup pesawah padi dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia. Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan bekalan beras sentiasa berada dalam keadaan yang cukup, selamat dan dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada penanam padi bagi memberi galakan dan minat agar kekal dalam sektor penanaman padi. Ia juga memodenkan aktiviti

tanaman padi dengan menggunakan baja berkualiti yang ekonomik, sistematik dan berkesan.

Kerajaan juga telah menghasilkan benih padi yang berkualiti tinggi dengan pemutuan yang ketat agar petani memperolehi benih padi yang berkualiti tinggi. Terkini MARDI telah menghasilkan varieti-varieti baharu padi iaitu varieti MARDI 284 dengan hasil mencapai 9 tan/hektar sebagai salah satu varieti berhasil tinggi bagi mempelbagaikan genetik dan pilihan kepada varieti sedia ada. Manakala MARDI Siraj 297 merupakan salah satu varieti berhasil tinggi yang rintang kepada penyakit seperti penyakit karah daun, karah tangkai dan penyakit merah virus. Ia juga sederhana rintang kepada perosak benah perang dengan hasil mencapai 8 tan/hektar.

MARDI juga sedang membangunkan kit pengesanan penyakit bagi penyakit utama padi. Kit ini dapat membantu petani mengenali jenis penyakit agar kawalan yang lebih berkesan dapat diambil tindakan. MARDI juga telah membangunkan sistem aplikasi penyampaian maklumat padi kepada petani menerusi sistem pesanan ringkas bagi membolehkan maklumat berkaitan tanaman padi seperti amaran awal, hebahan, gerak kerja dapat disampaikan dengan efisien di antara agensi pengembangan dan petani.